



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
13 JULAI 2017 (KHAMIS)

AKHBAR	MUKA SURAT
Harian Metro	
- Gundah lepas suami 'pergi'	49
The Star	
- Mall developer coming up with ways to improve traffic	04
Sinar Harian	
- 'Mana tapak niaga Plot 5?'	35
Berita Harian	
- 'Bagi pampasan sebelum roboh kedai kami'	13
Chinapress	
- 'Bagi pampasan sebelum roboh kedai kami'	C3



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 13 JULAI 2017 (KHAMIS)	
Akhbar	Harian Metro
Tajuk Berita	Gundah lepas suami 'pergi'
Muka Surat	49

HARIAN METRO

Garret Daunum
garret@hmetro.com.my

Ampang

"B"erilah kami' masa, saya sudah tiada tempat tinggal jika diarahkan mengosongkan kawasan kedai ini," kata Zalina Johari, 46, peniaga di Kampung Pasir, Ukay Perdana, Hulu Kelang, semalam.

Katanya, masa pengosongan selama sebulan itu tidak mencukupi memandangkan dia perlu mencari rumah sewa lain selepas lebih 15 tahun tinggal di kedai membaiki komputer yang dijalankan oleh arwah suaminya, Ariffin Mohd Shariff.

"Kami terima surat pada

KAWASAN gerai persimpangan Kampung Pasir, Ukay Perdana yang akan dirobohkan Pejabat Tanah Gombak.

Gundah lepas suami 'pergi'

■ Peniaga di Kampung Pasir minta tempoh pengosongan ditangguhkan

13-07-2017

tengah 49

20 Jun lalu dan Pejabat Daerah dan Tanah Gombak memberi masa sebulan untuk kami mengosongkan kedai.

"Suami saya pula baru meninggal dunia tiga hari sebelum Aidilfitri lalu kerana jangkitan kuman pada paru-paru.

"Saya buntu untuk mencari rumah sewa kerana sudah hilang punca pendapatan selepas suami meninggal dunia.

"Anak pula masih ada yang bersekolah," katanya ketika ditemui selepas sidang media oleh Gabungan Pertubuhan Bukan Kerajaan (GNIM) berhubung arahan pengosongan gerai atau kedai itu, di sini, semalam.

Kawasan gerai di selekoh persimpangan Kampung Pasir itu sudah beroperasi sejak kira-kira 25 tahun lalu dan kini perlu dikosongkan bagi pembinaan lebuh raya East Klang Valley Expressway (EKVE).

Seorang lagi peniaga, Shamsudin Arshad, 68, berkata, dia tiada punca pendapatan jika gerai makan yang dijalankan sejak 15 tahun lalu dirobohkan.

"Kedai makan itu saya buka untuk perbelanjaan harian keluarga dan sekarang terpaksa bergantung harap kepada dua anak.

"Saya hanya mahu pejabat daerah menangguhkan tindakan ke atas notis meroboh bangunan kedai ini kerana notis yang diberikan sangat singkat," katanya ketika ditemui.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 13 JULAI 2017 (KHAMIS)	
Akhbar	The Star
Tajuk Berita	Mall developer coming up with ways to improve traffic
Muka Surat	04

Mall developer coming up with ways to improve traffic

By **SHALINI RAVINDRAN**
shaliniravindran@thestar.com.my

TAMAN Melawati residents in Kuala Lumpur will have to endure traffic congestion a little longer as the authorities concerned are finalising a solution.

The traffic route from the Middle Ring Road 2 (MRR2) to Jalan Bandar 12, Taman Melawati was changed to accommodate an upcoming mall in the area.

Developer of the mall project Sime Darby Property in a statement said:

"Sime Darby Property is currently finalising the traffic flow proposal to address the traffic congestion concerns expressed by the Taman Melawati residents.

"We will present the proposal to MPAJ (Ampang Jaya Municipal Council) and with the guidance and approval of the local council, hope to provide a solution to the issue," it said.

Taman Melawati Zon ABC Residents Association chairman

Razman Hakimi Abdullah said Sime Darby Property and MPAJ were supposed to come up with a plan to ease traffic congestion by end of June.

"There was a meeting on May 24 with both parties and they should have responded with a solution.

"The traffic has worsened with the change, especially during *pasar malam* days every Tuesday, Thursday and Saturday.

"It is taking residents up to an hour to get to their homes when it should take only 15 minutes," he said.

StarMetro had on May 18 reported that previously, the access road from MRR2 allowed motorists to turn right, but now it leads to Jalan Bandar 12.

Residents said the route was a shortcut to go back home because Jalan Taman Melawati was usually heavily congested, especially during peak hours, as three schools are located along the main road.

MPAJ press relations officer Norhayati Ahmad said there would



Traffic congestion on Lorong Sarawak next to the upcoming mall during a 'pasar malam' in Taman Melawati. Residents expect the situation to worsen once the mall opens.

be a follow-up meeting with the developers later.

"This area is the commercial centre of Taman Melawati and is congested even during off-peak hours. But there are other roads

for motorists to use to get to the housing areas," she said.

She added that MPAJ met with residents and the developer on the issues raised and were now waiting for the latter's response.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 13 JULAI 2017 (KHAMIS)	
Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	'Mana tapak niaga Plot 5?'
Muka Surat	35

SINAR HARIAN • KHAMIS 13 JULAI 2017

HUBUNGI SKUAD SENTRAL MOHD FAHMI ISMAIL - 019-3310021, NORAFIZA JAAFAR - 019-6680258, HIDAYAH HAIROM - 019-6680261

SELANGOR

35

'Mana tapak niaga Plot 5?'

37 peniaga kesal diberi notis pengosongan, tuntutan penempatan baharu yang dijanjikan atau pampasan

NORAFIZA JAAFAR

HULU KELANG - Seramai 37 peniaga di selekoh persimpangan Kampung Pasir di sini yang diberikan notis pengosongan Jun lalu mendesak diberikan penempatan baharu seperti dijanjikan kerajaan negeri terdahulu.

Sebelum ini, kesemua peniaga di atas rizab JKR menerima notis pengosongan selama sebulan iaitu sehingga 31 Julai ini bagi memberi laluan kepada projek East Klang Valley Expressway (EKVE) dijalankan.

Menurut peguam yang mewakili peniaga, Kamarudin Ahmad berkata, masa selama tujuh hari diberikan kepada kerajaan negeri diwakili Pejabat Tanah Daerah (PTD) Gombak untuk memberi maklum balas berkenaan tuntutan peniaga atau perkara itu bakal dibawa ke mahkamah.

"Peniaga di sini dah berniaga sejak 1991 dan telah tiga kali berpindah. Sewaktu pentadbiran kerajaan terdahulu, peniaga dijanjikan penempatan semula di sebuah tapak 'Plot 5' yang tidak diketahui lokasinya untuk mereka menjalankan perniagaan.

"Atau setidaknya diberikan pampasan sekurang-kurangnya RM50,000 setiap peniaga bagi menampung kerugian hilang mata pencarian," katanya.

Tegasnya, arahan pengosongan yang dikeluarkan ke atas peniaga tidak adil dan peniaga tidak akan

INFO
● Terima notis pengosongan untuk beri laluan projek EKVE

● Tuntut lokasi baharu atau pampasan

● Isu sejak 1996.

mengosongkan premis selagi tidak mendapat pembelaan.

"Konsep negeri berkeadilan yang dilancarkan kerajaan negeri perlu dibuktikan melalui pembelaan ke atas peniaga yang ditindas ini melalui penempatan semula atau pampasan.

"Tindakan pejabat tanah dianggap keterlaluan dengan memberikan tempoh hanya sebulan untuk tujuan itu. Mereka perlukan masa sekurang-kurangnya enam bulan bagi membolehkannya cari tapak baru dan pindahkan barangan," katanya.

Mahu pembelaan

Sementara itu, Pengerusi Gabungan NGO 1Malaysia, Nazlee Abdul Aziz Yeop berkata, perkara tersebut pernah mendapat liputan media tahun lepas.

"Surat kepada PTD juga pernah dihantar tapi sehingga kini tidak mendapat maklum balas. Isu ini telah lama dibangkitkan, sejak 1996 lagi," katanya.

Peniaga, Nor Cahaya Ismail, 52, berkata, peniaga sebelum ini



Gabungan NGO 1Malaysia bersama peniaga mendesak diberikan lokasi baharu berniaga atau pampasan setelah diberikan notis pengosongan Jun lalu.

dimaklumkan hanya lima unit kedai terjejas bagi projek tersebut sebelum notis terakhir melibatkan keseluruhan peniaga.

"Peniaga asing yang lama berniaga tidak dikenakan tindakan, takkan kami rakyat tempatan dihalau tanpa sebarang pembelaan.

"Saya terima notis dua hari sebelum Aidilfitri, buat masa ini belum pindah dan jika dipaksa akan meneruskan perniagaan di Bandar Tasik Puteri," katanya.

Peniaga, Fatimah Mohd Yatim, 56, berkata, dia meneruskan perniagaan ibunya sejak 1994 dan menggunakan hasil tersebut untuk

menyara keluarga.

"Suami dah pencen dan berbekal RM500 duit pencennya sebulan itu tak cukup nak tampung kami yang tinggal di bandar dan menyara seorang anak OKU.

"Buat masa ini, saya masih meniaga seperti biasa tapi masak dari rumah sebelum bawa ke kedai sebab risau kalau penguatkuasaan dilakukan tiba-tiba," katanya.

Tuntut pampasan

dengan EKVE

Pegawai Daerah Gombak, Datuk Amirul Aziz Abd Rahim berkata, penguatkuasaan akan

dijalankan mengikut keputusan yang ditetapkan dalam mesyuarat pihak berkuasa negeri.

"Isu pengosongan tapak adalah isu lama dan notis sama pernah dikeluarkan sebelum ini.

"Penangguhan pengosongan akan menyebabkan kelewatan bagi projek Lebuh raya EKVE dan menyebabkan kemarahan penduduk Ukay Bistari yang menunggu projek tersebut," katanya.

Berkaitan isu pampasan katanya, peniaga boleh berbincang dengan pihak EKVE untuk tuntutan tersebut.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 13 JULAI 2017 (KHAMIS)	
Akhbar	Berita Harian
Tajuk Berita	'Bagi pampasan sebelum roboh kedai kami'
Muka Surat	13

BH Khamis, 13 Julai 2017 Ms.13

→ HALAMAN KOTA



Sudahlah suami meninggal dunia tiga hari sebelum Aidilfitri, kini saya sekeluarga akan kehilangan tempat tinggal pula”

Zalina Johari,
Peniaga



Jika mereka tidak bagi lokasi baharu untuk kami berniaga sekalipun, kami mahu pampasan kewangan sewajarnya”

Nor Hafizah Mohammed Salim,
Peniaga




Kita akan bela nasib peniaga sehingga mereka dapat pampasan sewajarnya. Jika tiada lokasi baharu, sekurang-kurangnya kena beri wang pampasan RM50,000”

Mohammad Nazlee Aziz Yeop,
Presiden Gabungan NGO 1Malaysia (NGO1M)



Penuduk di PLOT 5, Persimpangan Kampung Pasir Ukay Perdana membuat bantahan berhubung tindakan Pejabat Daerah dan Tanah Gombak yang akan merobohkan kawasan perniagaan mereka.



(FOTO EIZAHRI SHAMSUDIN/BH)

'Bagi pampasan sebelum roboh kedai kami'

→ Pejabat Daerah dan Tanah Gombak mungkir janji tempatkan semula peniaga ke lokasi baharu

Oleh Nur Fatin Mohd Satar
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Seramai 37 pemilik premis perniagaan Selekoh Persimpangan Kampung Pasir, Ukay Perdana kecewa dengan sikap lepas tangan Pejabat Daerah dan Tanah Gombak yang mungkir janji untuk menempatkan semula mereka ke lokasi baharu PLOT 5 bagi menggantikan deretan kedai yang akan dirobohkan itu.

Peniaga bertambah resah apabila menerima notis mengosongkan kedai dalam tempoh 30 hari bermula 20 Jun tanpa sebarang pampasan.

Rata-rata peniaga tinggal di kawasan Gombak dan menjadikan kedai berkenaan sebagai sumber mencari rezeki dengan menjalankan pelbagai perniagaan seperti kedai makan, pusat kecantikan, bengkel kereta selain menjadi tempat tinggal.

Bagi Peniaga, Zalina Johari, 47, yang baru sahaja kematian suami 22 Jun lalu akibat sakit paru-paru, perasaan sedihnya bertambah apabila menerima berita terpaksa mengosongkan kawasan yang sudah lama menjadi sumber rezeki.

Hilang tempat tinggal

“Sudahlah suami meninggal dunia tiga hari sebelum Aidilfitri, kini saya sekeluarga akan kehilangan tempat tinggal pula.

“Saya resah dan buntu memikirkan ke mana hendak bawa en-

pat anak yang masih bersekolah. Kami tinggal di kedai ini dan arwah suami membuka kedai membaiki komputer.

“Saya hanya bekerja di kedai berdekatan dan tidak tahu ke mana lagi hendak menyewa,” katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Zalina berkata, dia sekeluarga sudah menetap dan berniaga di kawasan terbabit sejak lebih 20 tahun lalu bermula daripada arwah ibu dan bapanya.

Bagi Peniaga, Nor Hafizah Mohammed Salim, 29, pihak berwajib seharusnya memikirkan kesusahan peniaga yang hanya bergantung kepada perniagaan sebagai sumber pendapatan.

“Jika mereka tidak bagi lokasi baharu untuk kami berniaga sekalipun, kami mahu pampasan ke-

wangan sewajarnya.

“Kami adik-beradik semua berniaga di sini dan ibu yang banyak membantu mengusahakan kedai kami menjalankan pusat kecantikan dan kedai makan, di sinilah tempat kami membesar,” katanya.

Sementara itu, Presiden Gabungan NGO 1Malaysia (NGO1M), Mohammad Nazlee Aziz Yeop, berkata pihaknya cuba bertemu wakil pejabat daerah dan mereka hanya berhubung melalui telefon, namun tiada surat kukuh untuk menjamin peniaga mendapat hak mereka.

“Kita akan membela nasib peniaga sehingga mereka mendapat pampasan sewajarnya. Jika tidak ada lokasi baharu, sekurang-kurangnya mereka kena beri wang pampasan sebanyak RM50,000,” katanya.

Notis 30 hari

Peguam yang mewakili peniaga, Kamarudin Ahmad, berkata tempoh 30 hari yang diberi pejabat daerah untuk peniaga mengosongkan kedai mereka tidak memadai.

“Paling kurang mereka harus beri tempoh lebih daripada enam bulan, sebulan tidak cukup untuk peniaga yang sudah bertapak sejak lebih 20 tahun itu mencari lokasi berniaga baharu.

“Jika pejabat daerah tidak memberi tindak balas dalam tempoh



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 13 JULAI 2017 (KHAMIS)	
Akhbar	Chinapress
Tajuk Berita	'Bagi pampasan sebelum roboh kedai kami'
Muka Surat	C3

(安邦12日讯) 第二中环公路往尤基柏兰岭(Ukay Perdana)入口处路边小贩, 因大道工程所致, 在上月被勒令搬迁, 当地小贩不满当局没有妥善安排, 促请土地局, 兑现早年曾承诺安顿小贩到新地点营业的承诺。

当地属公共工程局保

尤基柏蘭嶺入口小販被逼遷 促土地局兌諾安頓新地點

留地, 土地局于6月20日发通告给当地小贩, 促后者在7月31日前, 搬空当地, 以方便进行大道工

程。小贩们鉴于信函中, 没有提出任何搬迁方案或赔偿, 而感到担忧, 其中9

名小贩因此聘请律师, 向土地局发出律师信, 同时在今日举办集会, 要求土地局履行21年前安顿小贩到Plot 5的地点的承诺。

要求賠償損失

上述小贩代表律师卡马鲁丁指出, 只要当局履行承诺, 并让业者们知道所谓的Plot 5是在哪儿, 其当事人是愿意配合搬迁到新地点营业。

“如果土地局没有办法安顿小贩, 则应该赔偿小贩的损失, 因为土地局铲除了小贩的谋生工具, 让小贩们必须另觅地点等等, 估计每人需5万令吉赔偿。”

他说, 土地局给予的搬迁时间只有1个月左右, 其实非常不足, 当局应至少给予半年的时间, 让业者搬迁。

他指出, 土地局于1996年发给小贩的信函中列明, 会安顿小贩到Plot 5, 他希望土地局能够在7天内回覆小贩们的诉求, 否则他们将会把事件带上法庭, 起诉土地局违约。

一马非政府组织联合会主席莫哈末纳兹里说, 他在去

年8月, 曾经要求土地局与当地小贩会面, 商讨搬迁事宜, 然而对方一直没有回复, 无法维护小贩的权益。

“雪州政府标榜是福利政府, 如今就应该以小贩的利益为主, 妥善地解决这次事件, 好好安顿或赔偿小贩。”



■小贩希望知道所谓的Plot 5位置在哪儿。右3起为莫哈末纳兹里及卡马鲁丁。

遺囑及信託

規劃繼承家族企業
生意價值保存信託

012-336 9929
013-323 4566



林珮水小姐
Amanda Lim



Rockwills®